

## **Pemartabatan Bahasa Melayu Era Revolusi 4.0 dalam Kalangan Pensyarah**

Wan Roslina Wan Ismail \*

*Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.*

### **ABSTRAK**

*Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Malaysia dan merupakan bahasa utama rakyat Malaysia. Bahasa Melayu sedang melalui evolusi sejajar dengan bidang ilmu lain yang terus berkembang pada zaman digital ini. Kajian ini bertujuan untuk meninjau peranan pensyarah dan pihak pengurusan insititut dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam era Revolusi 4.0 (RI 4.0). Sebanyak 100 pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim telah dijadikan sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian perpustakaan. Pemerhatian juga telah dibuat melalui aplikasi whatsAPP pensyarah. Selain itu, kajian ini juga meninjau peranan pihak pengurusan tertinggi menyampaikan maklumat pentadbiran melalui sistem talian pintar. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua pensyarah telah menggunakan sistem talian pintar dan teknologi komunikasi maklumat ketika menyampaikan pengajaran dalam bilik kuliah dan di luar bilik kuliah. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa talian pintar telah mempercepat proses penyampaian maklumat. Hampir 100% maklumat organisasi disampaikan dalam bahasa Melayu melalui penggunaan talian pintar disampaikan secara meluas. Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan sains dan teknologi telah membantu pementapan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan zaman. Bahasa Melayu telah mendepani sejarah perkembangan bahasa seiring dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Perkembangan era RI 4.0 juga meninggalkan cabaran yang besar kepada perkembangan bahasa Melayu.*

**Kata Kunci:** Bahasa Melayu, Talian Pintar, Penggunaan, Teknologi Maklumat.

### **ABSTRACT**

*Malay language is widely known as an official language in Malaysia It is also the main language use by all Malaysians citizens. Malay language is now evolving align with other knowledge throughout the digital era.This study is mainly attempts to look at the role of lecturers and management department respectability Malay language during revolution 4.0. The sampling mad up a total of 100 respondents who were recruited and were the lectures at Education Institute. This study used qualitative and library research. An observation has been made by observing and interview the lectures" whatsAPPs content. In addition, an observation has been done by looking at the methods used by the lectures while they teaching in the classroom and outside using nowadays interactive technologies. A part of that, this research also investigates the role of the institute's top management at administer the formal institute's information. The result from the study shows that technologies accelerate the process of communicate information. Practically 100% of the information using the interactive technologies that widely applied in the*

---

\*E-mel: wanroslina@ipsah.edu.my

*organization were conveyed and delivered in Malay language. This indicated that science and technology development has improved empower the Malay language align with other language in the word. Nevertheless, the development of revolution 4.0 bring a huge effect to the Malay language advancement.*

**Keywords:** Malay, Smartlines, Usage, Technology Information.

## PENGENALAN

Sejarah penubuhan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Bermula selepas Mesyuarat Jemaah Menteri Kerajaan Malaysia pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah. Hal ini telah digantikan dengan MBMMBI. Perubahan dasar pendidikan di Malaysia dengan perubahan terkini daripada PPSMI kepada MBMMBI dilihat dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik supaya lebih baik dan berkesan.

Pemartabatkan bahasa Melayu dibuat untuk meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya. Hal ini selari dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang bukan sahaja merupakan “*jiwa kepada rakyat Malaysia*”, tetapi juga merupakan maruah negara dan rakyat Malaysia (Asmah Haji Omar, 2008). Oleh yang demikian, matlamat utama memartabatkan bahasa Melayu adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa. Sejarah telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa antarabangsa ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melaka iaitu pada abad ke-13 hingga ke-19. Ketika itu bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang digunakan secara meluas dalam urusan pentadbiran, perdagangan, peperangan, perkahwinan, perkembangan agama Islam dan kemajuan ilmu pengetahuan. Segala urusan perdagangan dengan pedagang Arab, India, China dan Siam berlaku dengan menggunakan bahasa Melayu.

Sejajar dengan itu, bahasa Melayu telah menjadi lambang suatu bangsa dan menjadi bahasa perpaduan rakyat. Bahasa Melayu menjadi wasilah pembangunan negara apabila berperanan sebagai alat komunikasi dalam urusan pentadbiran dan pengurusan di negara ini. Sebagai bahasa pengantar ilmu dan pendidikan pula, bahasa Melayu menjadi sarana pemerolehan dan pengembangan ilmu dalam kalangan masyarakat dan sebagai suatu syarat tegaknya sesuatu tamadun. Bahasa Melayu perlu melalui evolusi sejajar dengan bidang ilmu yang terus berkembang pada zaman moden ini. (Mohd Shah, 2001). Peranan warga pendidikan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu wajar diberi perhatian. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu memainkan peranan dalam pembinaan negara melalui sistem pendidikan. Melalui sistem pendidikan, bahasa Melayu dapat dikembangkan secara meluas. Salleh dan Shuhairimi (2015) mendapati penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi perlu diperkukuh dan bukan mengutamakan bahasa Inggeris semata-mata. Jika merujuk negara Jepun dan Jerman, sektor pendidikan kedua-dua negara tersebut menggunakan bahasa ibunda mereka. Hal ini tidak pun menghalang pembangunan ekonomi dan kemajuan di negara tersebut. Oleh yang demikian negara kita wajar mencontohi negara-negara tersebut walaupun dalam era RI 4.0. Warga pendidikan dilihat sebagai agen perubahan yang mampu untuk meneruskan kelangsungan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor pendidikan pada masa ini. Bahasa Melayu perlu menjadi bahasa perantara pendidikan pada peringkat antarabangsa seiring dengan era RI 4.0 pada masa kini (Mohammad Zakuan Mohd Fadzil, Jama'Yah Zakaria dan Norazlina Kiram, 2018). Hal ini akan mengukuh kedudukan bahasa Melayu di arena antarabangsa.

## Era Revolusi Industri 4.0

Revolusi Industri Keempat (RI 4.0) yang bermula pada tahun 2016 merupakan kesinambungan versi ketiga dalam peningkatan automasi berserta rangkaian internet dan proses-proses fizikal lain serta kemunculan pula satu sistem berbentuk penemuan pelbagai teknologi baharu. Teknologi dalam era RI 4.0 telah menggunakan automasi, analisis dan "big data", simulasi, sistem integrasi, penggunaan robotik, *cloud*, *Internet of Things* (IoT). Bidang ini melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini. Perkara ini memerlukan perubahan oleh semua pihak seiring dengan transformasi digital supaya dapat kekal untuk berdaya saing dan merencanakan kemajuan landskap moden (Mohd Fairuz Mohd Yusof, 2017). Revolusi 4.0 secara umumnya membabitkan bahan berwap, revolusi elektrik dan teknologi maklumat dan komunikasi. Menurut Yusof Othman (2018) RI 4.0 secara umumnya membabitkan *internet of thing* dalam setiap aspek kehidupan harian. RI 4.0 yang banyak menekan pembinaan teknologi realiti maya tanpa banyak menggunakan tenaga manusia pasti memberi kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan (Sabri Ahmad, 2018).

Kegunaan gajet seperti talian pintar merupakan salah satu alat teknologi maklumat dan komunikasi yang moden pada ketika ini. Alat komunikasi ini memiliki pelbagai fungsi canggih yang bertindak sebagai alat komunikasi untuk menyalurkan maklumat yang terkini, cepat dan pantas. Gajet merupakan salah satu cabang ledakan RI 4.0. Gajet memudahkan sesiapa sahaja untuk berhubung dan menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti seharian. Teknologi maklumat dan komunikasi hari ini secara meluasnya menggunakan internet dan talian pintar atau *smart phone* merupakan medium penyaluran maklumat yang dimiliki hampir setiap orang. Semasa maklumat disampaikan, pelbagai bahasa digunakan. Menurut Nor Shah (2001), bahasa Melayu wajar melalui evolusi sejajar dengan bidang ilmu yang terus berkembang pada zaman moden ini. Oleh yang demikian, bahasa Melayu seharusnya mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi (Mohammad Zakuan, Jama'ah & Norazlina, 2018).

Status bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dijadikan medium penyampaian sesuatu maklumat ingin disampaikan. Namun begitu bahasa Melayu menghadapi cabaran yang besar dengan berlakunya perkembangan RI 4.0. Kerencaman bahasa berlaku akibat ledakan teknologi maklumat ini. Pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang cenderung memperkasakan bahasa Inggeris telah menampakkan krisis keyakinan terhadap bahasa Melayu khususnya apabila memperkatakan tentang ilmu sains dan teknologi (Siti Nor Zhani Mohd Tohar, Adlina An Halim & Ku Hasnita Ku Samsu, 2017). Sementara itu, kajian Chow Fong Peng & Zahari Ishak, (2008) mendapati tahap keyakinan mahasiswa terhadap bahasa Inggeris adalah tinggi dalam bidang sains tulen dan teknikal. Sejajar dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memainkan peranan masing-masing bagi memartabatkan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan RI 4.0.

## Pernyataan Masalah

Istilah RI 4.0 yang mula tersebar sekitar tahun 2016 telah menimbulkan kebimbangan umum terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Perkembangan RI 4.0 menyebabkan masyarakat berasa bimbang dan curiga terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang digunakan di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Hal yang sama pernah disuarakan oleh Teo (2009) yang menyatakan bahawa antara sebab sesuatu bahasa mengalami kemerosotan dan mungkin musnah akibat perkembangan teknologi maklumat. Malahan kenyataan yang sama pernah dikemukakan oleh Muhammad Salleh (2002) yang berpendapat bahasa Melayu semakin kurang mendapat perhatian daripada penutur jati dan bahasa Melayu belum dihayati sepenuhnya serta penggunaan yang kurang diamalkan (Juriah Long, 2012). Ledakan teknologi maklumat yang pesat berkembang selari dengan kemunculan RI 4.0 telah menjadi persoalan, iaitu adakah masyarakat kampus akan menggunakan bahasa Melayu

dalam kehidupan seharian? Kajian ini cuba untuk meneroka, adakah masyarakat institut pendidikan guru telah memartabatkan bahasa Melayu selari dengan perkembangan RI 4.0? Kajian-kajian mengenai pemartabatan bahasa Melayu dalam RI 4.0 oleh penyelidik-penyelidik pada masa ini agak terhad.

## TINJAUAN LITERATUR

Bahasa Melayu ialah bahasa yang dipilih secara rasmi dalam perlembagaan untuk mewakili Malaysia, sebagai lambang nasional (Teo Kok Seong, 2007). Bahasa Melayu telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia (Perkara 152) sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu wajar digunakan sepenuhnya walaupun berlakunya ledakan teknologi maklumat yang begitu pesat. Era revolusi 4.0 tidak sama sekali menghalang penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dan di kepulauan Nusantara ini. Bahasa Melayu telah digunakan di beberapa negara di Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand. Bahasa Melayu merupakan bahasa penutur kepada 250 juta penutur di dunia. Bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca yang amat penting semasa kegemilangan kesutanan Melaka (Mohammad Zakuan, Jama'ah & Norazlina 2018). Bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi utama dan bahasa ekonomi kerana Melaka merupakan pusat penyebaran agama Islam dan pusat perniagaan yang ternama di rantau ini.

Sejajar dengan itu, Salleh dan Shuhairimi (2015) yang telah menjalankan kajian tentang bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi (IPT). Dapatan kajian mereka mendapati pengajaran dan pembelajaran di IPT perlu dimantapkan dengan penggunaan bahasa Melayu dan bukan mengutamakan bahasa Inggeris. Penyelidik menjadikan Jepun dan Jerman yang kekal menggunakan bahasa ibunda mereka dalam segala urusan kehidupan. Sementara itu, Nor Shah Mohamad (2001) mendapati bahasa Inggeris dilihat sebagai medium untuk berkomunikasi dalam pelbagai bidang ilmu terutama bidang teknikal. Jaffar Jambi (2008) pula mendapati isu penguasaan bahasa Inggeris dan kekangan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan cabaran terbesar untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi elemen penting dalam penyebaran ilmu. Hal ini kerana teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berupaya menjadi alat bantu mengajar yang efektif kerana berupaya menarik pelajar, interaktif, responsif dan berpusatkan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Penyebaran ilmu dapat disampaikan dengan berkesan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah (Zamri Mahamod, 2014). Beliau juga mendapati penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) seperti internet menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih menarik, berkesan, interaktif dan tidak membosankan pelajar. Pelajar didapati begitu selesa apabila guru-guru menggunakan internet atau talian pintar dalam pengajaran dan pembelajaran.

RI 4.0 merupakan fasa yang berbeza daripada fasa-fasa sebelumnya, fasa ini tidak melibatkan manusia. RI 4.0 telah mengubah cara hidup manusia dan pekerjaan. Tugas hakiki akan diganti dengan robot. RI 4.0 akan berlaku secara berleluasa menyebabkan proses automasi dan proses menggunakan internet (Mohamed Ali Haniffa dan Ayu Nor Azilah dan Nor Azlah Sham Rambely, 2018). Kegunaan robot akan terus meningkat sejajar dengan perkembangan kecerdasan buatan atau "Artifal Intelligence (AI) bersama internet. Pada masa ini telah berlaku ledakan seperti *WhatsApp*, *Uber*, *Trivago*, *Agoda*, *Waze* dan pelbagai lagi syarikat yang berasaskan internet telah digunakan secara meluas oleh masyarakat di Malaysia. Perkembangan RI 4.0 telah membantu perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. Namun begitu RI 4.0 juga tidak terkecuali meninggalkan impak yang negatif kepada perkembangan bahasa Melayu. Ekoran kemunculan saluran *whatsAPP* akan menyebabkan dibimbangi akan menyebabkan bahasa Melayu menjadi bahasa rojak apabila penggunaanya tidak peka terhadap penggunaan bahasa yang betul dan tepat.

Mohammad Zakuan, Jama'yah dan Norazlina (2018) telah menganalisis kandungan dalam akses terbuka berdasarkan kata kunci iaitu bahasa Melayu dan bahasa Malaysia mendapati 12,960,000 bahan rujukan menggunakan bahasa Melayu. Mereka berpendapat akses terbuka dengan pemartabatan bahasa Melayu sebagai kayu ukur kepada kewibawaan penyelidik dan kualiti bahan terbitan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa bahan berbahasa Melayu banyak diakses oleh pengguna seperti pelajar-pelajar sekolah, pelajar IPG, pelajar universiti dan lain-lain.

Ringkasnya, penggunaan bahasa Melayu dalam era RI 4.0 boleh meninggalkan impak positif dan negatif kepada bahasa Melayu. Namun begitu, usaha dan dasar memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa komunikasi utama wajar diberi perhatian oleh semua pihak. Usaha yang berterusan ini wajar diteruskan sehingga bahasa Melayu menjadi bahasa dunia. Bahasa Melayu tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja kerana bahasa ini telah menjadi bahasa utama di kepulauan Nusantara.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Meninjau peranan pensyarah dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam era RI 4.0 dengan menggunakan talian pintar.
- ii. Mengkaji peranan pihak pengurusan tertinggi untuk menyampaikan maklumat pentadbiran
  - a. dalam proses pemartabatan bahasa Melayu dalam era RI 4.0.

### **PERSOALAN KAJIAN**

- i. Sejauh manakah peranan pensyarah dalam aspek pemartabatkan bahasa Melayu dalam era RI 4.0 dengan menggunakan talian pintar?
- ii. Bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan tertinggi dalam aspek
  - a. penyampaian maklumat pentadbiran terhadap pemartabatan bahasa Melayu dalam era
  - b. RI 4.0?

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan menambahkan maklumat baharu kepada seluruh institut pendidikan guru tentang proses memartabatkan bahasa Melayu dalam era RI 4.0. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melihat sejauh manakah dasar pemartabatan bahasa Melayu dalam RI 4.0 telah dijalankan di Institut Pendidikan Guru. Di samping itu, pihak tersebut akan dapat mengenal pasti komponen yang perlu diberi keutamaan semasa melaksanakan dasar ini pada era RI 4.0. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi paradigma baharu kepada pensyarah, siswa pendidik, guru dan komuniti masyarakat agar mempunyai sikap yang peka terhadap penggunaan bahasa Melayu yang mantap dan mapan pada era RI 4.0. Pihak kerajaan juga diharapkan dapat menyaring jaringan teknologi maklumat seperti talian pintar, gajet, teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses usaha membantu memartabatkan bahasa Melayu pada era RI 4.0.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk semua pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus lain di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan pendekatan *grounded theory*. Kajian ini melibatkan pihak pengurusan institut dan seramai 100 orang pensyarah. Mereka ini terdiri daripada 50 orang pensyarah lelaki iaitu 40 orang berbangsa Melayu, 5 orang berbangsa Cina dan 5 orang berbangsa India. Manakala 50 orang lagi pensyarah wanita yang dipilih sebagai sampel kajian. Mereka ialah 40 orang pensyarah wanita berbangsa Melayu, 5 orang pensyarah Cina dan 5 orang pensyarah wanita berbangsa India.

Kajian ini dijalankan untuk melihat peranan pensyarah dan pihak pengurusan institut dalam memartabatkan bahasa Melayu pada era RI 4.0. Meriam (2001) mendapati bahawa kajian yang menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan kajian perpustakaan boleh dijalankan untuk mendapatkan gambaran sesuatu fenomena. Aspek pemerhatian yang dibuat untuk meninjau penyebaran maklumat pengurusan oleh pihak pengurusan tertinggi organisasi kepada pensyarah melalui sistem gajet melalui *whatsAPP* yang dibina oleh pihak pengurusan tertinggi.

Kaedah pemerhatian dijalankan oleh penyelidik kepada pensyarah-pensyarah dengan memerhati kandungan *whatsAPP* yang dimiliki oleh mereka. Di samping itu, pemerhatian juga dibuat terhadap sistem penyampaian maklumat oleh pihak pengurusan dan pentadbiran tertinggi IPGK kepada pensyarah. Beberapa elemen telah diperhatikan untuk mengetahui sejauh manakah peranan pensyarah dan pihak pengurusan institut dalam memartabatkan bahasa Melayu pada era RI 4.0 dengan menggunakan talian pintar sebagai medium komunikasi.

Analisis dokumen juga dibuat berdasarkan surat-surat rasmi dan dokumen-dokumen rasmi yang digunakan oleh pihak institut untuk menyampaikan maklumat kepada pensyarah. Bahan-bahan yang digunakan oleh pensyarah-pensyarah seperti ringkasan maklumat kursus, rancangan semester, rancangan pengajaran mingguan, soalan tugas kerja kursus, soalan peperiksaan, bahan-bahan pembentangan, memo, surat pekeliling, surat panggilan mesyuarat dianalisis oleh penyelidik untuk memastikan kesahihan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi.

Selain itu, kaedah temu bual secara berstruktur juga dijalankan kepada 10 orang pensyarah untuk mengetahui keadaan sebenar penggunaan *whatsAPP* mereka setiap hari. Penggunaan teknik temu bual juga membolehkan penyelidik mengumpul pernyataan langsung daripada peserta kajian sendiri. Teknik temu bual juga digunakan kerana ia merupakan satu cara yang cepat untuk mendapatkan maklumat yang banyak dalam satu masa yang singkat (Merriam, 2001). Mereka terdiri daripada 4 orang pensyarah wanita yang berbangsa Melayu, 3 orang pensyarah lelaki berbangsa Melayu, 2 orang pensyarah Cina iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan dan seorang pensyarah wanita berbangsa India. Soalan-soalan yang dikemukakan sama seperti aspek-aspek pemerhatian terdapat di jadual 1 di bawah.

**Jadual 1** a)Pemerhatian terhadap penyampaian maklumat pensyarah kepada pelajar

Elemen
1. Bentuk maklumat yang disampaikan
2. Stuktur ayat yang digunakan semasa menyampaikan maklumat
3. Penggunaan Bahasa Melayu yang betul
4. Respons pensyarah terhadap maklumat yang dihantar oleh pelajar
5. Jumlah kumpulan <i>whatsAPP</i> yang dimiliki oleh pensyarah
6. Kandungan pengajaran dan pembelajaran, siaran dan maklumat penting
7. Maklumat aktiviti dan program IPGK disalurkan
8. Penggunaan pada waktu kuliah dan luar waktu kuliah
9. Respons pelajar terhadap penyampaian pensyarah

**Jadual 2** Peranan pihak pengurusan tertinggi IPGK terhadap penyampaian maklumat pentadbiran dalam pemartabatan Bahasa Melayu pada era ri 4.0

Elemen
1. Struktur ayat yang digunakan
2. Penggunaan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian maklumat
3. Respons penerima yang menerima maklumat
4. Ayat-ayat yang digunakan
5. Penggunaan ayat bertatasusila
6. Lengkap dengan gambar dan ayat penerangan

## ANALISIS DAPATAN

Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pembinaan negara melalui sistem pendidikan. Hal ini seiring dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan wadah utama dalam penyampaian maklumat kepada pensyarah oleh pengurusan tertinggi institut. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap peranan pensyarah dan pihak pengurusan tertinggi institut dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu pada era revolusi 4.0 amatlah memberangsangkan. Analisis kajian mendapati kesemua pensyarah menggunakan saluran *whatsAPP* melalui talian pintar sebagai wadah utama dalam penyampaian maklumat. Analisis dokumen pula mendapati pihak pengurusan tertinggi masih mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dalam penyampaian maklumat penting kepada pensyarah-pensyarah. Didapati surat-surat rasmi, dokumen rasmi pada keseluruhannya masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Selain itu, analisis temu bual dibuat secara manual mengikut soalan yang dikemukakan iaitu pencarian mengikut tema. Penganalisan dibuat secara triangulasi yang melibatkan data daripada sumber iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Hal ini kerana kaedah ini boleh meningkatkan kredibiliti penemuan dan saranan dalam sesuatu penyelidikan (Lincoln, 1995).

### 1. Sejauh manakah peranan pensyarah dan pihak pengurusan institut dalam memartabatkan bahasa Melayu dalam RI 4.0?

Pensyarah-pensyarah di institut ini banyak mengirimkan maklumat mengenai aktiviti pdp, kuliah, soal jawab mengenai sesuatu topik dan perbincangan tugas kerja kursus melalui talian pintar. Maklumat-maklumat penting mengenai aktiviti pelajar disalurkan secara langsung oleh pensyarah kepada pelajar. Elemen kedua dari segi struktur pembinaan ayat yang digunakan biasanya terdiri daripada ayat-ayat ringkas dan mudah difahami oleh semua pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bahasa yang digunakan menunjukkan 100% bahasa Melayu. Elemen ketiga ia penggunaan bahasa Melayu dalam penyampaian maklumat, didapati bahasa Melayu

digunakan dengan sepenuhnya. Seterusnya elemen keempat ialah bagaimana respons pensyarah terhadap penggunaan talian pintar dalam menyampaikan dan menerima maklumat, mendapati sambutan yang sangat baik. Elemen kelima pula ialah jumlah kumpulan *whatsAPP* yang dimiliki oleh pensyarah-pensyarah IPGK, elemen ini menunjukkan pensyarah-pensyarah memiliki lebih daripada lima jaringan *whatsAPP*.

Meneliti pada kandungan maklumat yang disampaikan, penyelidik mendapati bidang yang berkaitan dengan pengurusan pelajar, siaran dan maklumat aktiviti merupakan aspek penting yang diberi perhatian oleh para pensyarah. Seterusnya, diikuti oleh maklumat PdP terlalu yang banyak disalurkan kepada pelajar-pelajar melalui talian pintar. Elemen kelapan menunjukkan penggunaan talian pintar dalam proses penyampaian maklumat berlangsung sepanjang masa pada waktu kuliah dan di luar waktu kuliah. Seterusnya elemen kesembilan ialah respon pelajar-pelajar terhadap penggunaan talian pintar sebagai wadah penyampaian maklumat didapati tersangat baik. Di samping itu, mereka menggunakan bahasa Melayu untuk mengemukakan sebarang pertanyaan semasa bersoal jawab dengan pensyarah-pensyarah seandainya terdapat sebarang kemusykilan. Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil analisis pemerhatian yang telah dibuat untuk meninjau penggunaan bahasa melayu dengan talian pintar dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam era RI 4.0.

**Jadual 3** Pemerhatian terhadap peranan pensyarah dalam penggunaan talian pintar

<b>Elemen</b>	<b>Hasil Pemerhatian</b>
1. Bentuk maklumat yang disampaikan	Maklumat PdP dan aktiviti
2. Struktur ayat yang digunakan semasa maklumat	Mudah dan ringkas
3. Penggunaan Bahasa Melayu	Sepenuhnya
4. Respons pensyarah-pensyarah	Sangat baik
5. Jumlah kumpulan <i>whatsAPP</i> pensyarah	Lebih daripada lima jaringan
6. Kandungan maklumat yang disampaikan	Maklumat pengurusan pelajar
7. Maklumat pengajaran dan pengajaran disalurkan	Banyak
8. Penggunaan pada waktu kuliah dan luar waktu kuliah	Sepanjang masa
9. Respons pelajar terhadap penyampaian pensyarah	Sangat baik

Penganalisan temu bual telah yang dijalankan ke atas sepuluh (10) orang pensyarah, mendapati kebanyakan mereka menyatakan bahawa aplikasi *whatsAPP* digunakan untuk memudahkan mereka menyampaikan maklumat pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar. Struktur ayat yang disampaikan kepada pelajar merupakan ayat-ayat pernyataan yang mudah dan ringkas. Selain itu, penggunaan bahasa pula penyelidik mendapati 8 orang pensyarah menyatakan mereka menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya ketika menyampaikan maklumat dalam aplikasi *whatsAPP*. Sementara itu, 2 orang lagi pensyarah menyatakan mereka menyampaikan maklumat dalam bahasa Inggeris kerana pelajar mereka terdiri daripada pelajar-pelajar kursus TESL.

Respons pelajar terhadap penyampaian maklumat melalui aplikasi *whatsAPP* adalah sangat baik. Apabila ditanya mengenai jumlah kumpulan *whatsAPP* yang dianggotai oleh mereka, rata-rata menyatakan mereka mempunyai kumpulan *whatsAPP* lebih daripada 5 sehingga mencecah dua puluh (20) kumpulan hingga lebih daripada itu pun ada. Kumpulan *whatsAPP* yang terkandung dalam talian pintar mereka, mereka menyatakan kumpulan tersebut terdiri daripada kumpulan *whatsAPP* rasmi organisasi, jabatan, keluarga, kawan-kawan, kumpulan ahli akademik dan lain-lain. Mereka menggunakan aplikasi ini untuk menyampaikan maklumat akademik, aktiviti-aktiviti akademik dan memberi motivasi kepada pelajar sekiranya pelajar mengalami sebarang masalah. Sementara itu, aplikasi ini digunakan sepenuhnya oleh pelajar sama ada di bilik kuliah dan di luar bilik kuliah. Menurut pensyarah-pensyarah ini lagi, pelajar menghubungi mereka tanpa mengira waktu dan tempat. Sebarang kemusykilan diajukan melalui aplikasi *whatsAPP*. Kesemua pensyarah ini mendapati respons pelajar terhadap aplikasi ini sangat baik.



Sementara itu, analisis dokumen yang dijalankan ke atas bahan-bahan yang digunakan oleh pensyarah-pensyarah seperti ringkasan maklumat kursus, rancangan semester, rancangan pengajaran mingguan, soalan tugas kerja kursus, soalan peperiksaan, bahan-bahan pembentangan, memo, surat pekeliling, surat panggilan mesyuarat dan lain-lain masih lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Hal yang sama juga turut digunakan oleh pihak pengurusan tertinggi apabila mengedarkan memo, minit mesyuarat, surat panggilan mesyuarat, surat lantikan mesyuarat dan lain-lain dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

## 2. Bagaimanakah peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan IPGK terhadap penyampaian maklumat pentadbiran dalam pemartabatan bahasa Melayu dalam era revolusi 4.0?

Pihak pengurusan telah menyediakan dua saluran *whatsAPP* iaitu satu saluran *whatsAPP* rasmi dan satu lagi *whatsAPP* tidak rasmi. Medium ini dijadikan saluran kepada pihak pentadbiran untuk menyampaikan maklumat penting mengenai pengurusan, pentadbiran, peristiwa penting, panggilan mesyuarat dan lain-lain. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, pihak pengurusan tertinggi menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya untuk menyampaikan maklumat penting dan sebagainya. Penggunaan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian telah digunakan secara meluas oleh pihak pengurusan tertinggi institut, maklumat dihantar biasanya ringkas dengan menggunakan ayat-ayat mudah untuk difahami. Ketiga ialah respons pensyarah yang menerima maklumat yang dihantar, pensyarah-pensyarah membaca dan membalas respons yang dihantar.

Elemen keempat didapati ayat-ayat yang digunakan ringkas dan padat. Pihak pengurusan tertinggi didapati menggunakan ayat bertatasusila yang sangat baik apabila mengucapkan tahniah atas kejayaan tertentu. Elemen keenam ialah maklumat yang dihantar biasanya lengkap dengan gambar dan keterangan. Elemen ketujuh yang diperhatikan ialah kandungan maklumat yang disampaikan antaranya adalah panggilan mesyuarat, berita-berita kejayaan, ucapan selamat, soal selidik yang perlu dijawab oleh pensyarah, tazkirah dan pesanan keagamaan. Jadual 2 menunjukkan hasil pemerhatian yang dibuat terhadap peranan pihak pengurusan tertinggi institut terhadap penyampaian maklumat pentadbiran dalam pemartabatan bahasa Melayu dalam era RI 4.0.

Jadual 4 Peranan pihak pengurusan tertinggi IPGK terhadap penyampaian maklumat pentadbiran dalam pemartabatan bahasa Melayu dalam era RI 4.0

Elemen	Hasil Pemerhatian
1. Struktur ayat yang digunakan	Ringkas dan mudah
2. Penggunaan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian maklumat	Bahasa Melayu
3. Respons penerima yang menerima maklumat	Baca, respon yang baik
4. Ayat-ayat yang digunakan	Ringkas dan mudah difahami
5. Penggunaan ayat bertatasusila	Baik dan memuaskan
6. Lengkap dengan gambar dan ayat penerangan	Berserta gambar
7. Kandungan bahan yang disampaikan maklumat	Panggilan mesyuarat, PdP dan lain-lain

## PERBINCANGAN

Bahasa Melayu digunakan secara menyeluruh dalam organisasi ini. Hal ini sejajar dengan dasar Kerajaan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang perlu dimartabatkan sebagai

bahasa rasmi dan medium utama dalam pengurusan di mana-mana sahaja dalam organisasi ini. Penggunaan bahasa Melayu telah menyatukan seluruh warga dalam organisasi ini. Talian pintar merupakan medium utama dalam penyebaran maklumat dan era RI 4.0 telah membantu mempercepatkan maklumat disampaikan kepada warga kerja ini. Dapatan kajian ini menyokong Mohammad Zakuan, Jama'yah dan Norazlina (2018) yang menyatakan bahawa perkembangan teknologi membolehkan akses terbuka dan digunakan sebagai medium terbaik dalam proses meningkatkan keterlibatan sesuatu bahasa. Ringkasnya organisasi ini menjadikan bahasa Melayu adalah wadah untuk menyampaikan maklumat kepada seluruh warganya.

Selain itu, era RI 4.0 telah membantu pembentukan kumpulan atau komuniti dalam talian yang terbentuk menerusi jaringan sosial dalam talian ini juga sebenarnya dilihat menghubungkan dan mengikat hubungan yang wujud dengan jaringan sosial di luar talian. Walaupun hal ini mungkin suatu ikatan yang lemah, terdapat elemen tertentu jaringan sosial di luar talian yang sama dalam kalangan pengguna, seperti berada di kampus atau tempat kerja yang sama. Keadaan ini telah meningkatkan proses pengurusan kerja, pengurusan organisasi dan penyampaian maklumat pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar dengan lebih berkesan dan efektif. Maklumat yang disampaikan dengan cepat dan tindakan segera boleh dibuat setelah maklumat diterima. Kajian ini selaras dengan kajian Mohammad Alinor Abdul Kadir (2018) bahawa bahasa Melayu boleh diperkayakan dalam era RI 4.0 dengan mengajar semua mata pelajaran di maktab, kolej dan universiti dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut menyokong kajian Salleh dan Shuhairmi (2015) yang mendapati pengajaran dan pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu diperkukuhkan dengan menggunakan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris bukanlah satu perkara yang boleh dipertikaikan pada masa ini. Peningkatan penggunaan bahasa Inggeris boleh ditingkatkan dengan pelbagai cara dan aktiviti.

Kajian ini bersetuju dengan Mohammad Alinor Abdul Kadir (2018) yang mendapati negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan Jerman maju kerana menggunakan bahasa ibunda mereka dalam sistem pendidikan mereka. RI 4.0 bukanlah satu faktor yang boleh merencamkan bahasa Melayu tetapi boleh dijadikan batu loncatan untuk memajukan bahasa Melayu di persada dunia. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara perlu mengalami transformasi dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di IPT. Di samping itu, penggunaan talian pintar ini telah mengeratkan silaturahim antara pihak pengurusan tertinggi dengan warga organisasi, pensyarah dengan pensyarah dan pensyarah dengan pelajar. Perkara ini telah memudahkan sistem penyampaian maklumat organisasi ini. Kajian ini bersetuju dengan Teo Kok Seong (2009a) bahawa bahasa Melayu selaku bahasa negara yang menggerakkan dan menaikkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat. Bahasa sebagai alat perpaduan dan alat penyatu bangsa Malaysia. RI 4.0 membantu pembentukan jaringan sosial yang besar dan meluas.

Peranan pensyarah dilihat begitu aktif dan meluangkan masa yang agak banyak untuk menggunakan talian pintar. Mereka menyampaikan maklumat penting kepada pelajar melalui talian pintar. Mereka dilihat telah menghubungi pelajar beberapa kali sehari, tidak kira tempat, di mana-mana sahaja menyampaikan maklumat ataupun memberi bantuan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar yang menghadapi masalah. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian Siti Nor Azhani, Adlina & Ku Hasnita (2017) yang mendapati ilmu sains dan teknologi globalisasi serta kemajuan telah meninggalkan krisis dan peranan bahasa Melayu diragui. Kekekapan penggunaan talian pintar melalui aplikasi *whatsapp* oleh seluruh warga institut ini telah dilihat membantu bukan sahaja penyampaian maklumat tetapi pembentukan peribadi mulia kerana aplikasi talian boleh memuat turun pelbagai kata motivasi dan ayat-ayat al-Quran serta siri-siri ceramah yang boleh dikongsi bersama-sama secara segera dan tidak perlu hadir ke tempat yang diadakan program-program tersebut. Keadaan ini telah membantu pemartabatan bahasa Melayu diperkasakan sepenuhnya dalam era RI 4.0. Sebagai pengamal bahasa rasmi di Institut Pendidikan Guru, didapati pensyarah-pensyarah dilihat mampu untuk memartabatkan bahasa Melayu jika penyaluran maklumat kepada pelajar dibuat dengan menggunakan bahasa Melayu yang gramtis dan laras bahasa yang betul.

Oleh sebab itu, jelas bahawa trend ke arah komunikasi berbentuk jaringan boleh dilihat di Malaysia apabila semakin ramai yang menggunakannya media yang baharu ini. Kadar penembusan jaringan sosial di institut ini yang agak tinggi, dan masa yang banyak diluahkan oleh setiap pensyarah dan pihak pengurusan. Didapati setiap pensyarah memiliki kumpulan lebih daripada satu kumpulan. Keadaan ini telah menyebabkan pensyarah mengalami transisi dalam bentuk komunikasi atau interaksi sosial mereka. Bentuk komunikasi yang telah digunakan dalam setiap kumpulan tersebut ialah bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih mendapat tempat di hati pensyarah-pensyarah untuk berkomunikasi.

Kajian ini menyokong kajian Zaini (2007) bahan ilmiah bahasa Melayu telah diterima sejak sekian lama dalam pelbagai bidang. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada masyarakat antarabangsa. Bahasa Melayu boleh merentas dunia andainya diperkasakan dengan meningkatkan penggunaannya di mana-mana sahaja saluran media. Sewajarnya para akademik memainkan peranan yang besar dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu. Usaha-usaha memartabatkan bahasa di pusat-pusat pengajian tinggi wajar dipergiatkan lagi.

Adalah diharapkan pemartabatkan bahasa Melayu dalam era RI 4.0 mendapat perhatian yang serius daripada para pemimpin negara agar peranan bahasa kebangsaan sebagai wadah pembinaan negara bangsa dapat diperluaskan dengan lebih meluas seiring dengan perkembangan era revolusi 4.0. Kepentingan memartabatkan bahasa Melayu bukan hanya untuk mendepani era RI 4.0 tetapi untuk memastikan bahasa Melayu sebagai lambang keperibadian, sahsiah, jati diri dan nilai penuturnya dimantapkan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Ringkasnya bahasa Melayu wajar dijadikan bahasa komunikasi untuk era RI 4.0 negara ini. Perkembangan teknologi komunikasi boleh memartabatkan bahasa Melayu dengan kerjasama semua pihak di negara ini.

### **Cadangan**

Penggunaan bahasa rojak dalam penyampaian maklumat dalam talian dan perkembangan pesat RI 4.0 boleh merencamkan usaha memartabatkan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun penggunaan gajet merupakan perkembangan terkini selaras dengan revolusi 4.0. Dicadangkan agar penyampaian maklumat oleh warga dalam sesuatu organisasi menggunakan ayat-ayat yang lengkap dan betul strukturnya, agar bahasa Melayu dapat dimartabatkan dengan betul dan berkesan. Pemartabatan bahasa Melayu boleh dilakukan dengan memperbanyakkan istilah sains dan teknologi, menambah bahan-bahan berbahasa Melayu dalam jurnal serta buku yang sesuai dengan era industri.

Istilah-istilah boleh disalurkan melalui talian pintar. Pihak kerajaan dan swasta boleh bekerjasama untuk menaja badan-badan akademik untuk menjalankan usaha sama untuk menterjemahkan istilah-istilah sains dan teknologi daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Hal ini berupaya meningkatkan rasa cinta akan bahasa Melayu. Selain itu, penyampaian maklumat dan penggunaan talian pintar selari dengan perkembangan era RI 4.0 telah membawa unsur pembaharuan dan penyeragaman bahasa dari aspek ayat bertatasusila wajar diberi perhatian.

Bahan-bahan yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah seperti bahan penyelidikan, bahan penulisan jurnal, modul-modul kursus dan dokumen-dokumen lain berbentuk digital boleh diterbitkan dalam bahasa Melayu selaras dengan era RI 4.0. Kewibawaan pensyarah akan lebih terpancar sekiranya mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penulisan ilmiah mereka. Inisiatif ini harus diambil oleh semua pensyarah di IPGK di seluruh Malaysia untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang kepakaran mereka selaras dengan era RI 4.0. Oleh hal yang demikian, semasa penyampaian maklumat berlangsung semua pengguna sama ada pihak pengurusan tertinggi, pensyarah-pensyarah mahupun pelajar-pelajar dapat

mengaplikasikan ayat-ayat bahasa Melayu yang indah dengan betul dan tepat larasnya. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk jati diri dan rasa bangga akan bahasa Melayu yang tinggi akal budinya. Kosakata yang luas dan mudah difahami antara sebab bahasa Melayu menjadi pilihan sebagai bahasa pertuturan dalam talian pintar wajar digunakan agar lebih banyak kosakata boleh dipelajari oleh pelajar pelbagai bangsa.

## KESIMPULAN

Bahasa Melayu wajib dijadikan bahasa wacana dalam era RI 4.0 dan mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini. Bahasa Melayu wajar bergerak seiring dengan perkembangan teknologi. Bahasa Melayu wajar digunakan secara intensif agar dapat menyampaikan maklumat dengan penggunaan teknologi yang meluas. Pelibatan bahasa Melayu yang menyeluruh dan menjadi bahasa perantara pendidikan pada peringkat antarabangsa dalam era RI 4.0 pada masa kini mampu memartabatkannya bahasa pada kedudukan yang tinggi di mata dunia.

Bahasa Melayu perlu dijadikan bahasa pengantar terhadap pembangunan sains dan teknologi dalam tamadun alam Melayu. Sewajarnya telah menjadi satu kemestian kepada semua warga pendidik memainkan peranan penting dalam konteks memartabatkan bahasa Melayu di arena antarabangsa. Hal ini demikian kerana bahasa dan pendidikan merupakan dua elemen penting dalam pembentukan negara bangsa dan secara tidak langsung memberi kesan kepada jati diri bangsa. Bahasa Melayu dilihat setanding dengan bahasa asing, manakala era RI 4.0 merupakan platform untuk pencinta-pencinta bahasa memperkembangkan bahasa Melayu di seluruh pelosok dunia. Bahasa Melayu boleh menjadi bahasa perantara dalam pelbagai bidang. Usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu bukan hanya tugas para pendidik sahaja, tetapi semua golongan masyarakat perlu berperanan agar bahasa Melayu digunakan dalam bidang sains dan teknologi. Sains dan teknologi mempunyai inisiatif untuk memajukan bahasa Melayu sebagai bahasa identiti negara. Walaupun era RI 4.0 akan mengubah cara hidup manusia dan pekerjaan, tetapi era RI 4.0 berpotensi besar untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dengan cara yang lebih komprehensif lagi.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew Fong Peng & Zahari Ishak. (2008). Tahap penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan Mahasiswa/I IPTA dan IPTS dalam Sistem Pendidikan Negara. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 19. Hlm 16-36.
- Juriah Long. (2010). Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan bangsa dalam sistem pendidikan kebangsaan: Antara Hasrat & Realiti. *Himpunan kertas kerja Persidangan Nasional Paradigma Baharu Perpaduan Bangsa* (ms 44-57). Kuala Lumpur: Majlis Profesor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia . (2001b). *Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lincoln. Y.S. (1995). In search of students' voices. *Theory into practise*, 3(2): 88-93.
- Merriam, S.B. (2001). *Andragogy and Self-Directed Learning: Pillars of Adult Learning Theory*. San Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Mohd Fairuz Mohd Yusof, 2017. *Revolusi perindustrian keempat/industri 4.0/IR 4.0. Technology/ Information/ Transformation/Innovation/DigitalGovernment/Online Services*
- Mohammad Alinor Abdul Kadir. (2018). Bahasa Melayu meniti era revolusi industri keempat-e-*Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan PASAK 3* pada 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsang Selangor . eISBN 978-967-46-3

- Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azliah & Nor Azlah Sham Rambely, (2018). Survival Orang Melayu Mendepani Arus Revolusi Perindustrian 4.0: satu penelitian dalam *e-Prosiding* Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, PASAK 3 pada 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. eISBN 978-967-2122-6-5.
- Mohd Yusof Othman dlm Nur Julia Alani (2018). Cabaran bahasa Melayu menghadapi Revolusi Industri keempat. Dimuat turun daripada [klikweb.dbp.my/wordpress/?14559](http://klikweb.dbp.my/wordpress/?14559)
- Mohammad Zakuan Mohd Fadzil, Jama' Yah Zakaria & Marazlina Kiram. (2018). AksesTerbuka sebagai medium Pemartaban Bahasa Melayu. *Journal Komunikasi Malaysia Journal of Communication* jilid 34(2) 2018: 263-277.
- Muhammad Salleh. (2002) . Bahasa Melayu dipinggirkan bangsa sendiri, kata sasterawan negara. Malaysiakini. Retrieved from <http://www.malaysiakini.com.news/12542>.
- Nor Shah Mohamed. (2001). Penggunaan bahasa Melayu dalam dunia informasi, komunikasi dan teknologi (ICT): Isu dan cabaran. Malaysia: Jabatan Perkhidmatan awam.
- Nurul Julia Henry. (2018). Cabaran bahasa Melayu menghadapi revolusi industri keempat. Dimuat turunkan daripada [klikweb.dbp.my/wordpress/?p14559](http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p14559)
- Sabri Ahmad, 2018. Revolusi industri 4.0 beri pelbagai kesan pada *kehidupan*. Dimuat turunkan <https://news.utm.my>
- Salleh Abd Rashid dan Shuhairimi Abdullah.(2015). Mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institut Pendidikan Tinggi. *Journal of Human Development and Communication*. Volume 4, 2015. Hlm 125-134.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi.GEMA Online *Journal of Language Studies*. Volume 17(2). May 2017. <http://doi.org.17576/gema-2017-1702-07>
- Teo Kok Seong. (2007). Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi: Dua konsep yang berbeza. *Dewan Bahasa*. September 2006. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur: Halaman 20-23.
- Teo Kok Seong. (2009a). Kepentingan satu bahasa kebangsaan. *Pelita Bahasa*. Oktober 2009. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur : Halaman 8-10
- Zamri Mohamad. (2014). Inovasi P & P dalam pendidikan bahasa Melayu. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaini Ujang. (2007). Mengangkasakan Penerbitan Akademik. *Berita Harian*, 26 November 2007 Kuala Lumpur.

